

UTHM anjur Fiesta Usahawan Muda Siswazah

SENAI- Dalam usaha untuk mendekatkan golongan usahawan siswazah dengan masyarakat, Universiti Tun Hussien Onn (UTHM) diberi penghormatan untuk menganjurkan Fiesta Usahawan Muda Siswazah yang berlangsung di Pasir Gudang, di sini baru-baru ini.

Pegawai Perhubungan Awamnya, Shafry Salim berkata, sebagai sebuah institut pengajian awam (IPTA) yang sinonim dengan bidang teknologi dan kejuruteraan, UTHM tidak ketinggalan dalam menyukseskan hasrat

transformasi pengajian tinggi negara yang digariskan Kementerian Pengajian Tinggi yang turut memasukkan elemen keusahawanan sebagai salah satu projek agenda kritikal (CAPs) pengajian tinggi negara.

Menurutnya, pada festival tersebut, pelbagai acara dan aktiviti menarik dijalankan. Antaranya aktiviti gerai dan jualan, pertandingan futsal, senamrobik, persembahan kebudayaan, sukaneka rakyat serta Konsert Pancaindera.

"Sebagai pengatur

bersama, UTHM mengambil peluang ini untuk memberi peluang kepada para pelajarnya melaksanakan aktiviti keusahawanan secara terus bersama masyarakat.

"Pada ketika ini, aktiviti keusahawanan pelajar di UTHM di selaraskan di bawah Pusat Teknousahawan yang bertindak menyelaras aktiviti keusahawanan serta menjalankan rancangan penggalakan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa," katanya.

Shafry berkata, melalui fiesta tersebut juga,

UTHM mengambil peluang ini untuk memberi peluang kepada para pelajarnya melaksanakan aktiviti keusahawanan secara terus bersama masyarakat"

- Shafry

usahawan siswa UTHM akan mempamerkan dan membuat jualan produk hasilan mereka secara terus kepada orang ramai.

"Penglibatan UTHM dalam fiesta ini juga adalah sebahagian daripada usaha mengukuhkan jalinan bestari universiti bersama

industri dan masyarakat dengan menjadikan agenda pemindahan ilmu (knowledge transfer) sebagai matlamat utama.

"Oleh yang demikian, UTHM berjaya melibatkan pelbagai pihak di dalam Universiti sepanjang lima hari fiesta tersebut

berlangsung," katanya.

Selain aktiviti keusahawanan, UTHM juga mempamerkan hasil-hasil penyelidikan dan inovasi ciptaan penyelidik UTHM, jualan buku, pameran Kembara Mahkota Johor, senamrobik serta demonstrasi robot.

Justeru itu, Shafry berkata, dengan penglibatan yang agak meluas ini, UTHM berharap usaha memperkuatkan tanggungjawab korporat-sosial (CSR) ini mendapat sambutan dan maklum balas positif dari pihak industri dan masyarakat.

Sinar Harian
23 Jun 2011
HVS